

TAKLIMAT PROGRAM PERINTIS MAHIR BINA (PROPMAB) BERLANGSUNG DI FPTP UTHM

Batu Pahat, 13 Jun 2025 – Taklimat bagi Program Perintis Mahir Bina (PROPMAB) telah berlangsung dengan jayanya di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), UTHM. Program ini merupakan hasil anjuran bersama Jabatan Pengurusan Pembinaan (JPP), FPTP dan Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Selatan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Dekan FPTP, Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa), Ketua Jabatan JPP, Penyelaras Sijil Kompetensi serta semua pelajar dan pensyarah yang telah memberi komitmen penuh dalam menjayakan program penuh manfaat ini.

PROPMAB bertujuan memperkasakan kemahiran pelajar menerusi program pensijilan kompetensi yang diperakui oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Melalui program ini, para peserta akan memperoleh Kad Hijau CIDB serta sijil kompetensi dalam tred *Lightweight Block Wall Installer* Tahap 2 (BLK2).

PROPMAB telah dijadualkan untuk dilaksanakan pada 28 Jun 2025, 3 Julai 2025, dan 4 Julai 2025 bertempat di dua lokasi iaitu Kampus Induk UTHM, Parit Raja dan Akademi Binaan Malaysia Wilayah Selatan, Johor Bahru.

Semoga segala ilmu, kemahiran dan pengalaman yang diperoleh sepanjang pelaksanaan PROPMAB ini menjadi asas kukuh kepada kecemerlangan para peserta dalam menghadapi dunia industri pembinaan sebenar.





